



→ **KESIHATAN**

Wanita 34 tahun mangsa terbaru denggi



Sebahagian peserta Program Gegar 10,000 Langkah dan Kayuhan Merdeka Peringkat Negeri Terengganu berarak di Taman Awam Batu Buruk, semalam.

→ Kes kedua di lokaliti bukan wabak di Terengganu

Oleh Noor Aznida Alias
bhkt@bh.com.my
Kuala Terengganu

Seorang wanita berusia 34 tahun menjadi mangsa terbaru denggi di negeri ini, menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat wabak itu pada tahun ini sebanyak 15 kes, berbanding tiga kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Dr Mohamad Omar, berkata mangsa yang berasal dari Kampung Seberang Kastam, Besut, meninggal dunia di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) pada jam 2 pagi semalam akibat kerosakan teruk pada organ dalaman. Beliau berkata, kes itu adalah yang kedua dalam tempoh dua minggu dan berlaku di kawasan atau lokaliti bukan wabak.

Fakta nombor

1,714 KES

demam denggi dilaporkan di Terengganu

15 KEMATIAN

dilaporkan sehingga Khamis lalu

BH
4/9/16
MLS 23

“Mangsa yang juga seorang peniaga mengalami simptom seperti demam dan muntah-muntah selama empat hari, sebelum dimasukkan ke Hospital Besut pada 31 Ogos dan dikejarkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) HSNZ kira-kira jam 11 malam, sehari kemudian.

Rosak teruk organ dalaman
“Bagaimanapun, mangsa akhirnya meninggal dunia selepas mengalami kejutan disebabkan kerosakan teruk organ dalaman kerana lewat mendapat rawatan,” katanya selepas melancarkan Program Gegar 10,000 Langkah dan Kayuhan Merdeka Peringkat Negeri Terengganu, di Taman Awam Batu Buruk, di sini, semalam.

Seramai 2,000 peserta menyertai program itu yang dijalankan serentak di tujuh daerah lain di seluruh negeri.

Mohamad berkata, beliau kesal dengan sikap masyarakat yang masih mengabaikan aspek kebersihan persekitaran dan lewat mendapatkan rawatan sehingga menyebabkan kematian, walaupun sering dinasihatkan.

Katanya, kes denggi di negeri ini meningkat lebih 100 peratus berbanding tahun lalu, sekali gus menyebabkan kes kematian yang amat membimbangkan.

“Sehingga Khamis lalu, sebanyak 1,714 kes demam denggi dengan 15 kematian dilaporkan di negeri ini berbanding 754 kes demam denggi dan tiga kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

“Justeru, kita amat berharap perkara ini diambil serius kerana denggi sebenarnya lebih berbahaya daripada virus zika yang turut menjadi ancaman pada masa ini,” katanya.